



MESYUARAT TABUNG AMANAH PEMBANGUNAN AKADEMIK (TAPA) 2025 SESI 20254

Dimaklumkan tarikh untuk **Mesyuarat TAPA iCEPS Sesi 20254** akan diadakan seperti berikut:

Tarikh Sistem Permohonan Dibuka	Tarikh Terakhir Hantar Kertas Kerja	Tarikh Mesyuarat Rasmi TAPA	Bulan	Minggu Pembelajaran
15.10.2025 (Rabu) Sehingga 26.10.2025 (Ahad)	26.10.2025 (Ahad)	12.11.2025 (Rabu) Sesi - 1	November	Minggu ke-5
13.11.2025 (Khamis) Sehingga 23.11.2025 (Ahad)	23.11.2025 (Ahad)	3.12.2025 (Rabu) Sesi - 2	Disember	Minggu ke-8
4.12.2025 (Khamis) Sehingga 15.12.2025 (Isnin)	15.12.2025 (Isnin)	31.12.2025 (Rabu) Sesi - 3	Disember	Minggu ke-11

Semua tarikh bagi Bengkel, Seminar atau Program yang ingin dilaksanakan mestilah selepas tarikh Mesyuarat Rasmi TAPA diadakan.

Permohonan hendaklah dilakukan melalui sistem iTAPA melalui pautan Ini:

<https://iceps-apps.uitm.edu.my/>

Pautan tersebut mengandungi borang permohonan C1 serta kertas kerja yang perlu diisi oleh pelajar

Para pelajar / Pensyarah / Ketua Pusat Pengajian yang ingin mengadakan Bengkel/ Seminar/ Program aktiviti yang ingin menggunakan peruntukan atau tiada peruntukkan tabung TAPA iCEPS, perlu menghantar kertas kerja yang telah lengkap sebelum atau pada tarikh terakhir yang telah dinyatakan seperti diatas.

Tarikh Bengkel/Seminar/Program Aktiviti boleh dilaksanakan sehingga **18/1/2026 sahaja** untuk sesi 20252 bersamaan 2 minggu sebelum penilaian/peperiksaan akhir berlangsung.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi di talian berikut:

- **Encik Hafiz:** abd hafiz@uitm.edu.my (03-55444825)
- **Puan Hidayah:** hidayah0354@uitm.edu.my (03-55444936)

Peringatan

- Kertas kerja yang tidak lengkap secara langsung tidak akan dibawa masuk ke dalam Mesyuarat TAPA.
- Kertas kerja yang terlepas tarikh akhir penghantaran boleh memohon untuk dihantar pada sesi berikutnya. Namun, bagi kertas kerja yang terlepas tarikh untuk Sesi-3, pihak iCEPS berhak untuk membatalkan permohonan tersebut.

Honorarium:

- Sebarang permohonan yang melibatkan honorarium (pelantikan penceramah / fasilitator / pakar motivasi / pakar / perunding / pelatih) mestilah disertakan dengan CV dan resume yang lengkap, serta dimuat naik bersama kertas kerja.
- Pelantikan Honorarium perlu mengisi borang senarai semak lantikan penceramah / fasilitator / pakar motivasi / pakar / perunding / pelatih untuk menyertai program anjuran Universiti Teknologi Mara (boleh didapati melalui urusetia TAPA).
- Honorarium yang melibatkan pelantikan penceramah / fasilitator / pakar motivasi / pakar / perunding / pelatih dari luar (bukan di kalangan staf UiTM) perlu mendapatkan kelulusan daripada iCEPS serta Naib Canselor UiTM. Proses kelulusan ini mengambil masa kira-kira 2 hingga 3 minggu untuk penilaian dan kebenaran.
- Honorarium yang melibatkan pelantikan penceramah / fasilitator / pakar motivasi / pakar / perunding / pelatih di kalangan staf UiTM tidak memerlukan kelulusan daripada Naib Canselor UiTM. Surat lantikan akan diberikan bersama surat kelulusan program.

Sekian, Terima Kasih.